

Datuk Musa akan buat lawatan ke Bhutan



DATUK Musa Hitam

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Musa Hitam memulakan lawatan empat hari ke Bhutan mulai Jumaat ini dalam usaha memperluaskan hubungan dengan negara di timur Himalaya itu yang telah menyatakan hasrat untuk mempelajari beberapa hal mengenai Ma-

laysia.

Timbalan Perdana Menteri yang akan menghadiri Sidang Kemuncak Negara-Negara Komanwel di New Delhi selepas itu akan meninjau kemungkinan memperkukuhkan kerjasama dengan Bhutan dalam rangka Dialog Selatan-Selatan.

Perbincangan beliau dengan Raja Jigme Singye Wangchuk dan pemimpin-pemimpin lain dijangka tertumpu kepada bidang kerjasama ekonomi dan teknikal.

Malaysia malah telah mencadangkan kepada Bhutan pemeteraian satu perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal dan perkara ini akan dibincangkan.

Bagaimanapun, menurut para pegawai Wisma Putra, perjanjian itu tidak dijangka akan ditandatangani ketika lawatan itu.

Para pegawai itu berkata, Bhutan yang termasuk dalam senarai negara-negara paling mundur Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengenalpasti bidang-bidang yang ia inginkan bantuan di bawah Rancangan Kerjasama Teknikal Malaysia.

Bhutan yang mempunyai kawasan seluas 30,888 km persegi dan penduduk 1.2 juta itu ingin mendapatkan bantuan untuk membaiki pentadbiran dan penguasaan awam serta perkhidmatan kesihatannya.

Selain itu, negara itu juga mahu bantuan untuk memesatkan pembangunan pertaniannya.

Dalam sidang Komanwel yang bermula pada 23 November itu, Datuk Musa akan menegaskan pendirian Malaysia mengenai Isu Antartika, tetapi tidak dijangka mendesak agar perkara itu dimasukkan dalam pernyataan persidangan.

Para pegawai Wisma Putra berkata, Datuk Musa akan menekankan pendirian Malaysia bahawa benua Antartika hendaklah terbuka kepada semua negara sebagai warisan bersama.

Beliau juga akan mengulangi seruan Malaysia supaya tentera asing diundurkan dari Afghanistan dan Kam-puchea. Di samping itu, beliau akan menegaskan sekali lagi sokongan Malaysia terhadap perjuangan Palestin.

Dalam soal ekonomi, Malaysia akan menyertai negara-negara membangun lain menggesa negara-negara maju supaya mengeneipkan sekatan-sekatan perdagangan. — Bernama.

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia